KHUTBAH JUMAAT

“PEMIMPIN DAN MASA DEPAN”

(27 November 2026M/ 17 Jamadilakhir 1448H)

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ، اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِيْ هَدَانَا لِهٰذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْ لَا أَنْ هَدَانَا اللهُ. أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ.

اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، اِتَّقُوْا اللهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلاَ تَمُوْتُنَّ إِلاَّ وَأَنْتُمْ مُسْلِمُوْنَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Berilah perhatian yang sepenuhnya kepada khutbah yang disampaikan. Elakkanlah segala perbuatan yang boleh menghilangkan pahala Jumaat kita. Mudah-mudahan keberkatan dan kesempurnaan pahala kita perolehi bersama. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“*Pemimpin dan Masa Depan*”**.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pemimpin dan masa depan adalah dua elemen yang saling berkaitan. Pemimpin yang baik adalah seseorang yang memiliki daya keupayaan dan kecekapan supaya pencapaian masa depan

sebuah negeri dan negara mampu dibentuk dengan baik. Tindakan kita pada hari ini adalah salah satu faktor utama yang akan mencorakkan masa depan negeri dan negara kita suatu hari nanti.

Kepimpinan dalam Islam bukan satu kemegahan, keistimewaan atau kelebihan. Bahkan adalah amanah, mandat yang berat dan kebertanggungjawabannya bukan sahaja akan dipersoal di dunia, malah di hadapan Allah *subhanahu wata'ala* di akhirat kelak.

Pemimpin yang amanah, ikhlas, adil dan mengutamakan kepentingan umum adalah golongan pertama yang mendapat naungan Allah *subhanahu wata'ala* di akhirat kelak. Sebaliknya, jika cuai dan gagal, maka penghinaan dan penyesalan bagi seseorang yang memikul amanah. Diriwayatkan daripada Abu Dzar *radiallahu anhu* bahawa beliau bertanya kepada Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*:

((يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَلَا تَسْتَعْمِلُنِي؟ قَالَ: فَضَرَبَ بِيَدِهِ عَلَى مَنْكِبِي، ثُمَّ قَالَ: يَا أَبَا ذَرٍّ! إِنَّكَ ضَعِيفٌ، وَإِنَّهَا أَمَانَةُ، وَإِنَّهَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ خِزْيٌ وَنَدَامَةٌ إِلَّا مَنْ أَخَذَهَا بِحَقِّهَا وَأَدَّى الَّذِي عَلَيْهِ فِيهَ))

Maksudnya: *Wahai Rasulullah! Kenapa engkau tidak memberi jawatan kepadaku? Baginda sallallahu alaihi wasallam menepukkan tangannya di atas bahuku, kemudian bersabda: "Wahai Abu Dzar, sesungguhnya engkau lemah, sedangkan jawatan itu adalah amanah. Jawatan itu pada hari kiamat nanti adalah penghinaan serta penyesalan bagi pemegangnya kecuali mereka yang mengambilnya*

dengan cara yang betul dan menunaikan kewajipannya.

(*Hadis riwayat Imam Muslim*)

Kaum muslimin yang berbahagia,

Islam meletakkan kedudukan kepimpinan sebagai suatu amanah yang amat besar. Seorang pemimpin bukan sekadar memiliki kuasa, jawatan, pengaruh atau kedudukan, tetapi memikul tanggungjawab untuk memastikan kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan negeri sentiasa terpelihara. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Nisa', ayat 58:

إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُكُمۡ أَن تُؤَدُّواْ ٱلۡأَمَٰنَٰتِ إِلَىٰٓ أَهۡلِهَا وَإِذَا حَكَمۡتُم بَيۡنَ ٱلنَّاسِ أَن تَحۡكُمُواْ بِٱلۡعَدۡلِۚ إِنَّ ٱللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُم بِهِۦٓۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ سَمِيعَۢا بَصِيرٗا (٥٨)

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.*

Ayat tadi mengingatkan bahawa amanah hendaklah diserahkan kepada orang yang layak dan berkemampuan melaksanakannya. Berkaitan dengan hal ini juga, Imam al-Mawardi *rahimahullah* menjelaskan tujuan kepimpinan iaitu:

"حِرَاسَةُ الدِّينِ وَسِيَاسَةُ الدُّنْيَا"

Maksudnya: *Memelihara agama Islam dan mentadbir urusan dunia*.

Dalam konteks kepimpinan negeri, seseorang pemimpin perlu mempunyai sifat amanah, jujur, berintegriti, berilmu, berkemampuan serta mempunyai keprihatinan terhadap nasib rakyat. Pemimpin yang baik bukan hanya pandai berbicara, tetapi mampu membuktikan kesungguhan melalui tindakan. Bukan hanya hadir ketika memerlukan sokongan, tetapi sentiasa berada bersama rakyat ketika mereka berhadapan dengan kesusahan.

Janganlah jawatan dikejar kerana kemegahan, kekayaan atau kepentingan peribadi. Sebaliknya, jawatan hendaklah dilihat sebagai peluang untuk berkhidmat, menegakkan keadilan dan membawa kebaikan kepada seluruh masyarakat. Daripada Ibnu Umar *radiallahu anhuma* bahawa Nabi *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ...))

Maksudnya: *Setiap kamu ialah pemimpin dan setiap kamu akan dipertanggungjawabkan terhadap orang yang dipimpinnya ...*

(*Hadis riwayat Imam al-Bukhari*)

Hadis ini mengingatkan kita bahawa setiap bentuk kepimpinan mempunyai tanggungjawab dan akan dipersoalkan oleh Allah *subhanahu wata'ala*.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Setiap negeri mempunyai impian dan harapan untuk melihat kehidupan rakyat yang lebih baik. Kita mengharapkan pembangunan

yang seimbang, ekonomi yang kukuh, peluang pekerjaan yang mencukupi, pendidikan yang berkualiti, kemudahan kesihatan yang baik serta prasarana yang dapat dinikmati oleh seluruh lapisan masyarakat. Semua ini memerlukan kepimpinan yang mempunyai visi, perancangan yang jelas dan kesungguhan untuk melaksanakan tanggungjawab. Berkaitan hal ini, terdapat satu Kaedah Fiqh yang menjelaskan tanggungjawab ini yang berbunyi:

"تَصَرُّفُ الْإِمَامِ عَلَىٰ الرَّعِيَّةِ مَنُوطٌ بِالْمَصْلَحَة"

Maksudnya: *Polisi dan tindakan pemerintah mestilah tertakluk kepada maslahah terhadap rakyat.*

Imam al-Ghazali *rahimahullah* dalam kitabnya *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul* menjelaskan maksud maslahah sebagai '*Mendatangkan manfaat dan menghalang kemudharatan.* Justeru, segala bentuk perkara yang memberikan kebaikan dan manfaat kepada manusia, dan pada masa yang sama menghalang keburukan dan kemudaratan ke atas diri mereka, adalah dianggap sebagai maslahah.

Oleh itu, pemimpin yang benar-benar memahami amanah akan sentiasa menjadikan kebajikan rakyat sebagai keutamaan agar rakyat dapat menikmati kehidupan yang aman, sejahtera dan bermaruah. Mereka akan terus berusaha untuk kebaikan masa depan generasi muda, nasib keluarga yang berpendapatan rendah, keperluan masyarakat pedalaman dan kelangsungan pembangunan negeri. Perjuangan mereka adalah untuk berkhidmat kepada rakyat,

bukan menjadikan rakyat sebagai alat untuk mencapai kepentingan diri.

Pada masa yang sama kemakmuran negara melalui pembinaan kemudahan dan prasarana yang canggih serta kemajuan teknologi juga terus dilaksana dan diperkasakan demi kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat.

Kaum muslimin yang dikasihi Allah,

Sesungguhnya, pemimpin dan rakyat mempunyai tanggungjawab bersama membina masa depan. Kita sering membicarakan tanggungjawab pemimpin, tetapi kita juga perlu menyedari bahawa rakyat mempunyai tanggungjawab yang tidak kurang pentingnya.

Pemimpin bertanggungjawab mentadbir dengan adil, manakala rakyat bertanggungjawab memberikan sokongan terhadap kebaikan, menegur kesilapan dengan cara yang berhemah serta melaksanakan tanggungjawab sebagai anggota masyarakat.

Janganlah kita hanya menuntut perubahan daripada pemimpin, sedangkan kita sendiri belum bersedia untuk berubah ke arah yang lebih baik. Kita menuntut pemimpin yang amanah, tetapi adakah kita telah amanah dalam pekerjaan kita? Kita menuntut keadilan, tetapi adakah kita sendiri berlaku adil? Kita mengharapkan perpaduan, tetapi adakah kita menjauhi fitnah dan kebencian? Inilah antara persoalan untuk kita bermuhasabah bersama-sama. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* mengurniakan taufiq dan hidayah-Nya kepada

kita agar sentiasa meningkatkan potensi diri. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ra'd, ayat 11:

... إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ ۗ ...

Maksudnya: ... *Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri ...*

Ayat tadi mengingatkan bahawa perubahan yang baik bermula daripada kesedaran dan usaha setiap individu. Oleh itu, marilah kita bersama-sama membina masa depan negeri dengan nilai kejujuran, amanah, perpaduan, toleransi dan saling menghormati.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Khatib ingin mengajak agar kita bersama-sama membawa pulang beberapa pesanan yang penting sebagai rumusan khutbah pada hari ini, antaranya:

Pertama : Kepimpinan merupakan amanah dan tanggungjawab besar yang menuntut sifat amanah, jujur, adil, berintegriti serta berkemampuan. Setiap pemimpin akan dipersoalkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* atas tanggungjawab yang dipikulnya.

Kedua: Pemimpin hendaklah mengutamakan kebajikan dan kepentingan rakyat dengan melaksanakan pembangunan yang seimbang, menyediakan peluang pekerjaan, pendidikan, kesihatan dan kesejahteraan masyarakat demi masa depan negeri dan negara.

Ketiga : Pemimpin dan rakyat perlu berganding bahu membina masa depan yang lebih baik melalui amalan kejujuran, perpaduan, toleransi, saling menghormati serta kesediaan memperbaiki diri ke arah masyarakat yang lebih harmoni dan sejahtera.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah as-Sajdah, ayat 24:

أَعُوْذُ بِاللهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ.

وَجَعَلْنَا مِنْهُمْ أَئِمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا لَمَّا صَبَرُواْ ۖ وَكَانُواْ بِـَٔايَـٰتِنَا يُوقِنُونَ (٢٤)

Maksudnya: *Dan Kami jadikan dari kalangan mereka beberapa pemimpin, yang membimbing kaum masing-masing kepada hukum ugama Kami, selama mereka bersikap sabar (dalam menjalankan tugas itu) serta mereka tetap yakin akan ayat-ayat keterangan Kami.*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُوْلُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَـٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أٰلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِيْنَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اِتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Tetaplah istiqamah mengimarahkan masjid dan surau dengan melaksanakan solat fardu berjemaah dan menghadiri majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu. Kukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Carilah rezeki yang halal lagi baik, supaya hidup kita sentiasa dirahmati dan diberkati Allah *subhanahu wata'ala*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Baqarah, ayat 172:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ كُلُواْ مِن طَيِّبَٰتِ مَا رَزَقْنَٰكُمْ وَٱشْكُرُواْ لِلَّهِ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ (١٧٢)

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya.*

Selamatkanlah diri dan keluarga kita daripada penyalahgunaan dadah, bahan inhalan dan ketum, perjudian serta segala bentuk

maksiat, kerana semuanya hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّۚ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيْهِ وَسَلِّمُواْ تَسْلِيمًا.

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَىٰ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَىٰ أٰلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَىٰ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَىٰ أٰلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ، فِيْ الْعَالَمِيْنَ، إِنَّكَ حَمِيْدٌ مَجِيْدٌ.

وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمَهْدِيِّيْنَ، سَادَاتِنَا أَبِيْ بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَن بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِيْنَ وَتَابِعِ التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ اْلأَحْيَآءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih. Ampunkanlah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkanlah ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, perteguhkanlah peribadi mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada para pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.
Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan terbilang dalam semua bidang yang diceburi demi mendukung negara yang maju, makmur dan mendapat perlindungan-Mu.

Kekalkanlah kesatuan kami dalam akidah, ibadah dan akhlak atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

رَبَّنَآ أٰتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي ٱلآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أٰمِيْن، أٰمِيْن يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ.

عِبَادَ اللهِ. إِنَّ اللهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَٱلإِحْسَانِ. وَإِيتَآءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَآءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ. فَاذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوْهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ. وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيْمُوا الصَّلَاةَ.